

**Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: HLB Mini Loan/HLISB Mini Financing-i****TEMPOH KEMPEN**

1. “Kempen Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i HLB Mini Loan/HLISB Mini Financing-i” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) (kedua-dua HLB dan HLISB adalah dirujuk secara bersama sebagai “**Bank**”) bermula pada 1 Ogos 2019 dan berakhir pada 31 Disember 2019, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”) melainkan dimaklumkan sebaliknya.

**TERMA DAN SYARAT (“T&S”)**

Yang berikut merupakan terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini:

**KELAYAKAN**

2. Kempen ini adalah terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang kredit kad utama untuk mana-mana institusi kewangan di Malaysia (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan di bawah:
  - (a) Berusia daripada 21 hingga 60 tahun;
  - (b) Digajikan dengan pendapatan tahunan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00); dan
  - (c) Tidak mempunyai sebarang Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB dengan Bank sebelum Tempoh Kempen.
3. Pelanggan-pelanggan berikut adalah **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
  - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, kesalahan undang-undang dan yang berkaitan dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank atau yang telah diisytiharkan mufliis atau yang berhadapan dengan prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
  - (b) Pelanggan yang ditentukan oleh Bank sebagai berkemungkinan untuk melakukan sebarang tindakan salah sebagaimana yang dinyatakan di sini; dan/atau
  - (c) Kakitangan Bank, tetap dan kontrak.

**MEKANIK KEMPEN**

4. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki:-
  - (a) Membuat permohonan untuk Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB semasa Tempoh Kempen dengan amaun minima Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) hingga Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000.00) (kedua-dua Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB adalah dirujuk secara bersama sebagai “**Kemudahan**”) dengan tempoh kemudahan dari 2 hingga 5 tahun (“**Tempoh Kemudahan**”) semasa Tempoh Kempen;

Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan hanya boleh membuat permohonan melalui Terminal am:pm yang terdapat di cawangan Convenient Banking atau *Tablet InBranch Sales and Service* yang terdapat di cawangan Hong Leong terpilih seperti yang tertakluk di Lampiran 1 yang dengan ini dilampirkan; dan

- (b) Menerima Kemudahan selewatnya 31 Januari 2020 supaya Kemudahan boleh disalurkan selewatnya 31 Januari 2020.

Bagi tujuan Kempen ini, Pelanggan yang memenuhi semua kriteria dalam Klausa 4 di atas akan dirujuk sebagai **“Pelanggan Layak”**.

**TAWARAN TANPA CAJ FAEDAH/KEUNTUNGAN 20 HARI**

- 5. Pelanggan Layak layak untuk tawaran tanpa caj faedah/keuntungan dua puluh (20) hari (**“Tawaran”**) sekiranya Pelanggan melunaskan sepenuhnya amaun Kemudahan tersebut dalam tempoh dua puluh (20) hari selepas tarikh penyaluran dana Kemudahan itu (**“Tempoh Tanpa Caj Faedah/Keuntungan”**). Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak hanya boleh memohon untuk satu (1) Kemudahan pada satu-satu masa semasa Tempoh Kempen dan sekiranya Pelanggan Layak ingin memohon Kemudahan tambahan, Pelanggan Layak perlu melunaskan sepenuhnya Kemudahan sedia ada sebelum permohonan untuk Kemudahan berikutnya boleh dipertimbangkan.

Gambaran Tempoh Tanpa Caj Faedah/Keuntungan adalah seperti di bawah:

Tarikh penyaluran dana : 5 Ogos 2019  
 Tarikh akhir Tempoh Tanpa Caj Faedah/Keuntungan : 25 Ogos 2019  
 (dua puluh (20) hari SELEPAS tarikh pelepasan dana Kemudahan)

- 6. Apabila Pelanggan Layak melunaskan sepenuhnya amaun Kemudahan dalam Tempoh Tanpa Caj Faedah/Keuntungan, tidak ada sebarang caj faedah/keuntungan akan dikenakan atas Amaun Kemudahan.
- 7. Apabila Pelanggan Layak gagal untuk melunaskan sepenuhnya Amaun Kemudahan dalam Tempoh Tanpa Caj Faedah/Keuntungan atas apa-apa sebab sekalipun, Pelanggan Layak perlu menjelaskan Kemudahan mengikut cara-cara yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB dan Kadar Faedah/Keuntungan Rata dan Tempoh Kemudahan yang berikut akan dikenakan atas Kemudahan tersebut:

<b>Produk</b>	<b>Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i</b>
<b>Tempoh Kemudahan</b>	2 hingga 5 tahun
<b>Amaun Kemudahan</b>	RM1,000 - RM25,000
<b>Kadar Caj Faedah/Keuntungan</b>	10.00% setahun untuk mana-mana Amaun Kemudahan

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar seperti berikut untuk Tempoh Kemudahan dari 2 hingga 5 tahun:

Kadar rata 10.00% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berbeza dari 17.27% setahun hingga 18.16% setahun.

8. Tawaran ini hanya terbuka untuk Kemudahan. Tambah Nilai/Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB dan Tambahan Pembiayaan/Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB adalah tidak layak untuk Tawaran ini.
9. Fi kemudahan sebanyak RM75.00 (“**Fi Kemudahan**”), akan ditolak daripada Amaun Kemudahan sewaktu penyaluran dan tidak akan dipulangkan walaupun Pelanggan Layak melunaskan sepenuhnya Kemudahan dalam Tempoh Tanpa Caj Faedah/Keuntungan
10. Selain daripada Fi Kemudahan, duti setem berkenaan sebanyak 0.50% atas Kemudahan akan dikenakan dan ditolak daripada Amaun Kemudahan sewaktu penyaluran.
11. Apabila Kemudahan dijelaskan lebih awal iaitu selepas Tempoh Tanpa Caj Faedah/Keuntungan dan sebelum tarikh tamat tempoh kemudahan (“**Penyelesaian Awal**”) untuk:

**(a) Pinjaman Peribadi HLB**

Pelanggan boleh pada bila-bila masa semasa Tempoh Kemudahan melakukan Penyelesaian Awal Kemudahan sepenuhnya dengan memberi notis bertulis awal tiga (3) bulan (“**Notis**”) kepada Bank atau dengan membayar tiga (3) bulan caj faedah atas amaun yang ditebus sebagai ganti Notis. Rebat untuk Penyelesaian Awal (“**Rebat**”) atas caj faedah berbaki yang sepatutnya dikenakan ke atas Kemudahan sepanjang tempoh belum luput bermula selepas tempoh makluman tiga (3) bulan akan diberikan kepada Pelanggan dengan syarat Pelanggan melunaskan sepenuhnya amaun Kemudahan belum jelas dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak Bank. Rebat adalah dikira berdasarkan formula berikut\*\*:

$$R = \frac{(n - 3)(n - 2)}{N(N + 1)} \times I$$

di mana,

R	Rebat (RM)
n	Bilangan ansuran bulanan sepanjang tempoh belum luput untuk Tempoh Kemudahan
N	Tempoh Kemudahan (berdasarkan bulan)
I	Caj Faedah Kena Dibayar untuk seluruh Tempoh Kemudahan (RM) pada kadar 10.00% setahun

Gambaran bagaimana Rebat dikira untuk pinjaman tiga puluh enam (60) bulan (5 tahun) dengan amaun pokok sebanyak RM5,000.00 dan kadar caj faedah 10.00% setahun, tetapi dengan penyelesaian awal selepas dua puluh (20) bulan (di mana Notis diberi kepada Bank sebelum tarikh bayaran ansuran bulanan berikutnya) adalah seperti di bawah:

$$N = 60$$

$$n = 60 - 20 = 40$$

$$I = 5,000 \times 10.00\% \times 5 = \text{RM}2,500$$

$$R = \frac{(40-3)(40-2)}{60(60+1)} \times \text{RM}2,500 = \text{RM}960.38$$

Nota:

\*\*Rebat akan dikira berdasarkan “Peraturan 78” atau “Hasil Tambah Angka” di mana kaedah pengiraan bahagian pokok dan caj faedah kena dibayar untuk keseluruhan Kemudahan menganggap bahawa caj faedah mewakili peratusan yang lebih besar daripada ansuran bulanan pada tempoh awal Kemudahan itu. Pelanggan perlu membayar semua Ansuran Bulanan sepanjang tempoh belum luput Tempoh Kemudahan yang tertakluk kepada Rebat.

**(b) Pembiayaan Peribadi-i HLISB**

Pelanggan boleh pada bila-bila masa semasa Tempoh Kemudahan melakukan Penyelesaian Awal Kemudahan sepenuhnya dengan memberi Notis kepada Bank. Rebat (ibra’) untuk Penyelesaian Awal atas caj keuntungan berbaki yang sepatutnya dikenakan ke atas Kemudahan sepanjang tempoh belum luput bermula selepas tempoh notis tiga (3) bulan akan diberikan kepada Pelanggan (“**Rebat untuk Pembiayaan Peribadi-i**”). Rebat untuk Pembiayaan Peribadi-i adalah dikira berdasarkan formula berikut\*\*:

$$R = \frac{n(n + 1)}{N(N + 1)} \times P \quad \text{di mana,}$$

- R Rebat (RM)
- n Bilangan Ansuran Bulanan sepanjang tempoh belum luput
- N Tempoh Kemudahan (berdasarkan bulan)
- P Caj Keuntungan Kena Dibayar untuk seluruh Tempoh Kemudahan (RM) pada kadar 10.00% setahun

Gambaran bagaimana Rebat untuk Pembiayaan Peribadi-i dikira untuk pembiayaan enam puluh enam (60) bulan (iaitu 5 tahun) dengan amaun pokok sebanyak RM5,000.00 dan kadar caj keuntungan 10.00% setahun, tetapi dengan penyelesaian awal selepas dua puluh (20) bulan (di mana Notis diberi kepada Bank sebelum tarikh bayaran ansuran bulanan berikutnya) adalah seperti di bawah:

$$N = 60$$

$$n = 60 - 20 = 40$$

$$P = 5,000 \times 10.00\% \times 5 = \text{RM}2,500$$

$$R = \frac{(40-3)(40-2)}{60(60+1)} \times \text{RM}2,500 = \text{RM}960.38$$

Nota:

\*\*Rebat untuk Pembiayaan Peribadi-i akan dikira berdasarkan “Peraturan 78” atau “Hasil Tambah Angka” di mana kaedah pengiraan bahagian pokok dan caj keuntungan kena dibayar untuk keseluruhan Kemudahan menganggap bahawa caj keuntungan mewakili peratusan yang lebih besar daripada ansuran bulanan pada tempoh awal Kemudahan itu. Pelanggan perlu membayar semua ansuran bulanan sepanjang tempoh belum luput yang tertakluk kepada Rebat untuk Pembiayaan Peribadi-i.

## UMUM

12. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan dengan ini:

- i. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Perbadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLIB](#);
- ii. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
- iii. bersetuju untuk melawat [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Laman Sesawang Bank**”) pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
- iv. bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Januari 2020 dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 31 Januari 2020 untuk sebarang sebab sekalipun;
- v. bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan) adalah muktamad, akhir dan mengikat dan sebarang surat-menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikai keputusan tersebut tidak akan dilayan
- vi. bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen;

13. Bank berhak untuk:

- i. menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan sebarang sebab;
- ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi-bicara mutlaknyanya;
- iii. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara

mutlaknya, dengan memberi notis awal kepada Pelanggan menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

14. T&S yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
15. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
16. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
17. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.

**Lampiran 1: Senarai Cawangan am:pm Convenient Banking dan Tablet InBranch Sales & Services**

No	Daerah	Lokasi	Alamat
1	Johor Darul Ta'zim	Batu Pahat	Ground & Mezzanine Floor, Penggaram Complex, No.1, Jalan Abdul Rahman, Off Jalan Rahmat, 83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim
2	Johor Darul Ta'zim	Kulai	No 6 & 7, Jalan Anggerik 1, Taman Kulai Utama, 81000 Kulai, Johor Darul Ta'zim
3	Johor Darul Ta'zim	Muar	Ground & 1st Floor, Pusat Perdagangan Maharani, Bandar Maharani, Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor Darul Ta'zim
4	Johor Darul Ta'zim	Skudai	6 & 8, Jalan Nakhoda 12, Taman Ungku Tun Aminah, 81300 Skudai, Johor Darul Ta'zim
5	Johor Darul Ta'zim	Taman Johor Jaya	80 Jalan Dedap 13, Taman Johor Jaya, 81100 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim
6	Johor Darul Ta'zim	Taman Tampoi Indah	No. 5, Jalan Camar 1/3, Taman Perling, 81200 Pulai, Johor Darul Ta'zim
7	Johor Darul Ta'zim	Taman University	No 39 & 41, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor Darul Ta'zim
8	Kedah Darul Aman	Alor Setar	No. 24, 26 & 28, Jalan Teluk Wanjah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman
9	Kedah Darul Aman	Jalan Sultan Badlishah	167 & 168 Susuran Sultan Abdul Hamid 11, Kompleks Perniagaan, Sultan Abdul Hamid Fasa 2, 05050 Alor Setar, Kedah Darul Aman
10	Kedah Darul Aman	Kulim	62 & 63, Jalan Bayu Satu, 09000 Kulim, Kedah Darul Aman
11	Kedah Darul Aman	Legenda Heights	Ground & 1st Floor, No.255, Jalan Legenda 10, Legenda Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman
12	Kedah Darul Aman	Sungai Petani	Ground & 1st Floor, No. 64 & 65, Jalan Pengkalan, Taman Pekan Baru, 08000 Sungai Petani. Kedah Darul Aman
13	Melaka	Cheng, Melaka	No. 76 & 76-1, Jalan Inang 4 (Cheng), Taman Paya Rumput Utama, 76300 Paya Rumput, Melaka
14	Negeri Sembilan Darul Khusus	Nilai	Lot PT 5730, Jalan TS 2/1D, Taman Semarak, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

15	Negeri Sembilan Darul Khusus	Seremban	No. 69, 70 & 71, Jalan Dato Bandar Tunggal, 70000 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus
16	Perak Darul Ridzuan	Ipoh	Lot-A-G-2 (Ground Floor), No 1, Persiaran Greentown 2, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
17	Perak Darul Ridzuan	Jalan Pasir Puteh	579 & 579A, Jalan Pasir Puteh, 31650 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
18	Perak Darul Ridzuan	Menglembu	No. 116 & 117, Jalan Besar, 31450 Menglembu, Perak Darul Ridzuan
19	Perak Darul Ridzuan	Setiawan	No. 16 & 17, Taman Sitiawan Maju, Jalan Lumut, 32000 Sitiawan, Perak Darul Ridzuan
20	Perak Darul Ridzuan	Taiping	No.53,55 & 57, Jalan Stesyen, 34000 Taiping, Perak Darul Ridzuan
21	Pulau Pinang	Alma Bkt Mertajam	No. 3350 & 3351, Jalan Rozhan, Taman Industri Alma Jaya, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
22	Pulau Pinang	Autocity, Prai	No. 1823-G1, Jalan Perusahaan, Highway Auto-City, North-South Highway Juru Interchange, 13600 Prai, Pulau Pinang
23	Pulau Pinang	Bayan Point	No 15-G-1 (Bayan Point), Medan Kampung Relau, 11900 Pulau Pinang
24	Pulau Pinang	Bdr Baru Ayer Itam	No.16A & 16B, Lebuhraya Phean Teik, Bandar Baru Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang
25	Pulau Pinang	Bukit Mertajam	No 31,33,35 & 37, Jalan Usaha Niaga 1, Taman Niaga Jaya, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
26	Pulau Pinang	Butterworth	No 6963 & 6964, Jalan Ong Yi How, Kawasan Perusahaan Raja Uda, 13400 Butterworth, Pulau Pinang
27	Pulau Pinang	Jelutong	No.300 Jalan Jelutong, 11600 Pulau Pinang
28	Pulau Pinang	Seberang Jaya, Prai	No. 9 & 10, Jalan Todak 2, Pusat Bandar, Seberang Jaya, 13700 Prai, Pulau Pinang
29	Sabah	Tawau	Ground & 1st Floor, Lot No.1, Block 35, Fajar Commercial Complex, Jalan Lembaga, 91013 Tawau, Sabah



30	Sarawak	Central Park	345-347 Ground & 1 st Floor, Central Park Commercial Centre, Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce, 93200 Kuching, Sarawak
31	Sarawak	Jln Tun Jugah	Lot 10901 & 10902, Jalan Tun Jugah, 93350 Kuching, Sarawak
32	Sarawak	Miri	Ground & 1st Floor, Lot 715 Merbau Road, 98008 Miri, Sarawak
33	Sarawak	Sibu	No. 133, 135 & 137, Jalan Kampung Nyabor, 96000 Sibu, Sarawak
34	Selangor Darul Ehsan	Aman Suria	No. 1 & 3, Jalan PJU 1/43, Aman Suria, 47301 Petaling Jaya, Selangopr Darul Ehsan
35	Selangor Darul Ehsan	Bandar Baru Ampang	1G-3G, Jalan Wawasan 2/10, Bandar Baru Ampang, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan
36	Selangor Darul Ehsan	Bandar Botanic	Ground Floor, No. 109 & 111, Jalan Mahogani 5, Bandar Botanic, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan
37	Selangor Darul Ehsan	Bandar Bukit Tinggi	No. 68, Lorong Batu Nilam 4A, Bandar Bukit Tinggi, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan
38	Selangor Darul Ehsan	Bandar Mahkota Cheras	No. 1 Jalan Temenggung 21/9, Bandar Mahkota Cheras, 43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan
39	Selangor Darul Ehsan	Bandar Sunway	12 & 14, Jalan PJS 11/28A, Metro Bandar Sunway, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
40	Selangor Darul Ehsan	Bdr Puteri Puchong	No. 2 Jalan Puteri 2/4, Bandar Puteri, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan
41	Selangor Darul Ehsan	Bdr Sungai Long	5, Jalan SL 1/4, Bandar Sungai Long, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
42	Selangor Darul Ehsan	Dataran Sunway	No. 2, Jalan PJU 5/8, Dataran Sunway, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
43	Selangor Darul Ehsan	Jalan Kapar, Klang	No.26-32, Jalan Kapar, 41400 Klang, Selangor Darul Ehsan
44	Selangor Darul Ehsan	Jln Othman, Petaling Jaya	80 & 82 Jalan Othman (1/14), 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
45	Selangor Darul Ehsan	Jln Welman, Rawang	No. 59A, Jalan Welman, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan

46	Selangor Darul Ehsan	Kajang	36, Jalan Sulaiman, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
47	Selangor Darul Ehsan	Kepong Indstrl Park	No 23 & 24, Jalan KIP 1, Taman Perindustrian KIP, 52200 Selangor Darul Ehsan
48	Selangor Darul Ehsan	Klang	Wisma Amsteel Securities, No. 1, Lintang Pekan Baru, Off Jalan Meru, 41050 Kelang, Selangor Darul Ehsan
49	Selangor Darul Ehsan	Kota Kemuning	No. 3, Jalan Aggerik Vanilla N/31N, Kota Kemuning, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
50	Selangor Darul Ehsan	Puchong	3, Jalan Bandar Satu, Pusat Bandar Puchong, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan
51	Selangor Darul Ehsan	Puchong	No. 2, Jalan Kinrara, Taman Kinrara, Jalan Puchong, 47100 Selangor Darul Ehsan
52	Selangor Darul Ehsan	Puchong Jaya	26 & 27 Jalan Kenari 1, Bandar Puchong Jaya, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan
53	Selangor Darul Ehsan	Pusat Perniagaan Cheras Maju, Balakong	Lot No.2 & 2A, Jalan Cheras Maju, Pusat Perniagaan Cheras Maju, Batu 11, 43200 Balakong, Selangor Darul Ehsan
54	Selangor Darul Ehsan	Selayang Jaya	No.39 & 41, Jalan SJ 17, Taman Selayang Jaya, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
55	Selangor Darul Ehsan	Semenyih	No. 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan
56	Selangor Darul Ehsan	Setia Alam	No. 19, Jalan Setia Prima R U13/R, Setia Alam, Section U13, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
57	Selangor Darul Ehsan	Shah Alam 26	34, Jalan Perbahan Satu, Seksyen 26/2A, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
58	Selangor Darul Ehsan	SS2	No. 28 & 30, Jalan SS2/67, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
59	Selangor Darul Ehsan	Subang Jaya	W-1-0, W-2-0 & W-1-1, Subang Square Business Centre, Jalan SS15/4G, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan
60	Selangor Darul Ehsan	Taman Paramount	No 18 & 20, Jalan 20/16A, Taman Paramount, 46300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

61	Selangor Darul Ehsan	Taman Putra	No 7 & 9, Jalan Bunga Tanjung 6A, Taman Putra, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan
62	Selangor Darul Ehsan	Taman Sentosa	No.36,Jalan Dato Shahbudin 30, Taman Sentosa, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan
63	Selangor Darul Ehsan	Taman Seri Tanming	1 & 3, Jalan Seri Tanming 1 F, Taman Seri Tanming, Batu 9, 43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan
64	Selangor Darul Ehsan	Taman Sri Andalas	No. 1 & 3, Jalan Sri Sarawak 17, Taman Sri Andalas, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan
65	Selangor Darul Ehsan	Taman Sri Gombak	Lot 16 & 17, Block B, Prima Sri Gombak, Selangor Darul Ehsan
66	Selangor Darul Ehsan	Teluk Pulai	169, Jalan Teluk Pulai, 41100 Klang, Selangor Darul Ehsan
67	Selangor Darul Ehsan	Tmn Taming Jaya, Balakong	No. 24, Medan Taming 2, Taman Taming Jaya, 43300 Balakong, Selangor Darul Ehsan
68	Selangor Darul Ehsan	USJ Taipan	Lot 43 & 45, Jalan USJ10/1G, Taipan Triangle, UEP Subang Jaya (USJ Branch), 47620 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
69	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Baru Sri Petaling	No. 71 & 73, Jalan Radin Tengah, Zone J 4, Bandar Baru Seri Petaling, 57000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
70	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bangsar Baru	No. 37, Jalan Telawi 3, Bangsar Baru, 59100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
71	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Brickfields	150, Jalan Tun Sambanthan (Brickfield), 50470 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
72	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bukit Bintang	No. 53 & 55, Jalan Sultan Ismail (Bukit Bintang), 50250 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
73	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Cheras	No. 114 & 116, Jalan Cerdas, Taman Connaught, Cheras, 56000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
74	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Damansara City	Level 1 Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

75	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	J Kuchai Lama	No. 31 & 33, Jalan 1/116B, Kuchai Entrepreneurs Park, Off Jalan Kuchai Lama, 58200 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
76	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Jalan Ipoh	No. 468-B2(A), Blok B, Ground Floor, Rivercity 3rd Mile Jalan Ipoh, 51200 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
77	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Jalan Petaling	No. 34, 36 & 38, Jalan Petaling, 50000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
78	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Kepong	No.77C & D, Lot 58529, Jalan Kepong, 52100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
79	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Kuala Lumpur Main Branch	Level 1, Wisma Hong Leong, 18, Jalan Perak, 50450 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
80	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Menara Raja Laut	Ground Floor (Lot G3), Menara Raja Laut, No. 288, Jalan Raja Laut, 50350 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
81	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Mid Valley	Ground & 1st Floor, Unit 25-G & 25-1, Signature Office, Midvalley City Lingkaran Syed Putra, 59200 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
82	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Pandan Indah	No. 23GM & 25GM, Jalan Pandan Indah 4/8, 55100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
83	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Pandan Perdana	No.1-GM Jalan Perdana 4/6, Pandan Perdana, 55300 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
84	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Setapak	No. 8 & 10, Jalan 3/50C, Taman Setapak Indah Jaya, Off Jalan Genting Kelang, 53300 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
85	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Taman Maluri	180-0-7 & 180-0-8, Wisma Mahkota, Taman Maluri, Cheras, 55100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
86	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Taman Midah	No 15, 16, 17, Jalan Midah Satu, Taman Midah, 56000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
87	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Taman Sri Rampai	No. 2, Jalan Rampai Niaga 1, Rampai Business Park, Taman Sri Rampai, 53300 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

88	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Taman Sri Sinar	No. 44 & 46, Block A, Plaza Sinar, Jalan 8/38D, Taman Sri Sinar, Segambut, 51200 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
89	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Taman Tun Dr Ismail	3rd Floor, 26, Lorong Rahim Kajai 14, Taman Tun Dr Ismail, 60000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur